

BAB IV

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan melihat secara terperinci bagaimanakah ciri-ciri percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Ciri-ciri percampuran kod tersebut dianalisis berdasarkan transkripsi perbualan yang pengkaji sempurnakan sebelum ini. Transkripsi disempurnakan semasa proses pengumpulan data dengan menggunakan kaedah pemerhatian berserta. Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan dan golongan kata apakah yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, sama ada golongan kata nama, kata kerja, kata tugas ataupun lain-lain lagi.

Setelah membincangkan ciri-ciri percampuran kod berdasarkan transkripsi, pengkaji membincangkan dapatan kajian yang diperolehi dalam soal selidik. Terdahulunya, pengkaji akan memaparkan maklumat peribadi responden yang diperolehi daripada bahagian A soal selidik. Kaedah soal selidik dijalankan untuk mengenal pasti kewujudan fenomena percampuran ini berlaku di kalangan kaum Cina secara meluas tanpa mengira faktor umur, taraf pendidikan dan tempoh penetapan responden di Kelantan. Selanjutnya, pengkaji membincangkan hasil dapatan daripada soal selidik berkenaan dengan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan selain daripada mengenal pasti faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod ini.

4.1 ANALISIS DAPATAN KAJIAN DARI KAEDAH PEMERHATIAN BERSERTA

Setelah menjalankan pemerhatian berserta, pengkaji telah mentranskripsikan data-data yang dirakam. Kemudiannya, daripada transkripsi data-data tersebut, pengkaji mengkategorikan kod yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin mengikut golongan bahasa atau dialek yang berbeza. Di sini, pengkaji akan menghuraikan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut lima kategori bahasa atau dialek yang berbeza.

4.1.1 Analisis kod yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Untuk menganalisis kod yang digunakan dalam bahasa Mandarin di Kelantan, terlebih dahulu pengkaji mentranskripsi rakaman daripada perbualan semasa proses pemerhatian berserta dilakukan. Sebanyak lapan perbualan yang telah ditranskripikan. Transkrip perbualan tersebut telah disertakan sebagai Lampiran A.

Untuk menganalisis kod yang berlainan bahasa yang wujud dalam bahasa Mandarin di Kelantan, dengan berpandukan transkripsi, pengkaji telah membahagikan dapatan kajian mengikut lima pembolehubah bahasa dan dialek, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Siam, dialek Kelantan dan dialek Hokkien. Mengikut data yang diperolehi, lima kod ini adalah kod yang biasa dicampurkan ke dalam perbualan harian kaum Cina di Kelantan. Semua kod yang terdiri daripada bahasa dan dialek-dialek yang berlainan telah disenaraikan dalam jadual di muka surat sebelah. Selain bahasa Melayu dan Inggeris, maksud penterjemahan dialek Kelantan, dialek Hokkien dan bahasa Siam juga dipaparkan dalam Jadual 4.1 dan 4.2.

Jadual 4.1 Kod yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Siam
1. aduh	1. account	1. bak (derhaka)
2. alim	2. add	2. bun (pahala)
3. badminton	3. add maths	3. kaodai (berapa harga)
4. bandar	4. aircorn	4. kaojam (nasi kerabu)
5. benci	5. assignment	5. kaoma (sila masuk)
6. bodoh	6. baby	6. liao (sudah)
7. bulatan	7. bag	7. loiketong (hari tahun baru Siam)
8. cabar	8. battery	8. lok (pulang)
9. cikgu	9. boring	9. ma (datang)
10. daging bakar	10. brother	10. maicai (bukan)
11. dari	11. bye	11. meci (rahib)
12. doktor	12. camera	12. meke (nenek)
13. ego	13. charger	13. menam (sungai)
14. gila babi	14. chatting	14. ngam (cantik)
15. ingat	15. chocalate	15. ni (partikel lah)
16. janji	16. computer	16. painai (pergi mana)
17. kahwin	17. cute	17. paojam (kerabu mangga)
18. kali	18. disconnect	18. pheng (mahal)
19. kancil	19. double	19. poke (datuk)
20. kenal	20. exercise	20. poktan (sami)
21. kerana	21. facial	21. prat (gila)
22. ketua	22. final	22. saibat (buat sedekah)
23. kuat	23. formula	23. sairan (Hari perayaan Siam)
24. lagi	24. free	24. segan (benci)
25. lembut	25. friendly	25. sprat (Semerak)
26. lesen	26. hand free	26. suai (cantik/kacak)
27. lilitan	27. hand phone	27. tambun (membuat zakat)
28. lucu	28. icecream	28. tomjam (tomyam)
29. malas	29. ink	29. tongnan (situ)
30. malu	30. laptop	30. tongnu (sini)
31. mamak	31. lipstick	31. wat (kuil)
32. memang	32. lotion	32. zaza putuo (kata seru/Tuhan ku!)
33. minat	33. math	
34. nakal	34. member	
35. nasi kerabu	35. mp3	
36. nasib	36. nice	
37. paksa	37. office	
38. pasal	38. ok	
39. pasar malam	39. online	
40. pengacara	40. pendrive	
41. pengadil	41. practice	
42. pembantu	42. register	
43. pengetua	43. reload	
44. pening	44. reply	
45. perhimpunan	45. salesman	
46. ponteng	46. semi final	
47. Prof.	47. shit	
48. pun	48. single	
49. rapat	49. smash	
50. saja	50. sms	
51. samalah	51. snooker	
52. sangat	52. sorry	

53. sate	53. spotcheck	
54. sebentar	54. tomboy	
55. sedap	55. toner	
56. sengaja	56. top up	
57. serabut	57. try	
58. setuju	58. volleyball	
59. sungguh	59. whitening	
60. tapi	60. why	
61. tolong		
62. wah		
63. ya		

Jadual 4.2 Dialek yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Dialek Kelantan	Dialek Hokkien
1. acu (kalau)	1. ane (macam ini)
2. agah (sombong)	2. bak (daging)
3. ajok (ajak)	3. be tahan (tak boleh tahan)
4. aloh (allah)	4. behiau (tak pandai)
5. anak murek (pelajar)	5. bobian (tak ada pilihan)
6. bangu (baru)	6. boduo bose i (tidak sopan)
7. beci (benci)	7. bos la (bukan)
8. biaso (biasa)	8. chao (buruk)
9. bodek (mengampu)	9. chiak gui meh (beberapa hari lepas)
10. bojeng (rambut)	10. cholok (kasar)
11. budok (budak)	11. cincai (suka hati)
12. bungkuh (bungkus)	12. daiji (hal)
13. cango (kisah)	13. dam ma nia (nanti)
14. cema (kotor)	14. engtao (kacak)
15. de oh (melampau)	15. gaola (serius)
16. doh (sudah)	16. hona (Melayu)
17. gadoh (gaduh)	17. huiguan (persatuan)
18. gayo (bergaya)	18. jjabak (menghadiri kenduri)
19. gegeh (bising)	19. jjalak (teruk)
20. genggeng (kawan)	20. kabesi (sangat)
21. gewe (kekasih)	21. kuan (perangai)
22. gilo (gila)	22. kuni (tahun lepas)
23. gipik (sembit)	23. lansi (sombong)
24. goste (mengundur)	24. laozuat (meriah)
25. gu (kawan)	25. lihai (pandai)
26. gunga (gurau)	26. limteh (minum teh)
27. hingo (hingga)	27. loso (meleter)
28. jah (saja)	28. ngong (bodoh)
29. kalini (kali ini)	29. paisei (malu)
30. kalu (kalau)	30. port (mengadu)
31. kayo (kaya)	31. poteh (Kota Bharu)
32. kekok (tersangkut)	32. salong (sarung)
33. kenak (mengacau)	33. samseng gia (budak samseng)
34. kona (pusing)	34. shuaixiao (malang)
35. kotok (kotak)	35. shuangxiao (sindiran)
36. laguni (macam ini)	36. sibe (terlalu)
37. lon i (sekarang)	37. sikong (anggap)
38. mace (macam)	38. song (seronok)
39. make gula (menghadiri kenduri)	39. suat-suat ki (biarkan)
40. malah (malas)	40. sui (cantik)

41. manjo (manja)	41. sukak (suka)
42. mase (masam)	42. taotiah (sakit kepala)
43. meme (memang)	43. tenglang (kaum Cina)
44. mok tuo (mak mertua)	44. tigongzuo (tuhanku)
45. nakot (pengecut)	45. tolong (bantu)
46. nate (binatang)	46. xian (bosan)
47. ngaku (mengaku)	47. xiaopo (perempuan gila)
48. ngaju (merajuk)	48. zabo (perempuan)
49. ngama (ramai)	49. zek ak (kejam)
50. ngejek (mengejek)	50. zhabogia (anak perempuan)
51. ngorat (bercinta)	51. zhe bai (kali ini)
52. ngupak (mengumpat)	52. zhekolang (berseorangan)
53. nyanyok (nyanyuk)	53. zhuat (panas)
54. pade muko (padan muka)	54. zuomi (apa)
55. pah (selepas)	
56. pahtu (selepas itu)	
57. paje (denda)	
58. pasar male (pasar malam)	
59. pelangge (pelanggan)	
60. peranga (perangai)	
61. puah (bosan)	
62. pulok (pula)	
63. sebab (kerana)	
64. sembahye (sembahyang)	
65. semengok (semerak)	
66. sengo (rasa)	
67. siye (kesian)	
68. sokmo (selalu)	
69. supo (serupa)	
70. tanyo kabar (tanya khabar)	
71. tapa (tampar)	
72. teksi (beca)	
73. tok cang o (tak kisah)	
74. tok pade (tak berbaloi)	
75. tokse (tak nak)	
76. topek (Cina)	
77. ulu (hulu)	

Jadual 4.1 merupakan jadual yang menunjukkan kosa kata bahasa yang berlainan yang dipetik dalam transkripsi rakaman pengkaji. Pengkaji telah membahagikan dapatan kajian mengikut bahasa yang berlainan, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Siam. Manakala Jadual 4.2 pula menunjukkan kosa kata dialek Kelantan dan dialek Hokkien yang disertai bersama penterjemahan istilahnya yang telah wujud dalam transkripsi pengkaji. Berdasarkan Jadual 4.1 dan 4.2, pengkaji mengira dan menjadualkan jumlah kod-kod yang telah wujud dalam perbualan yang ditranskripsikan. Dapatan kajian

adalah seperti Jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3 Kosa kata bahasa dan dialek yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Bil	Kosa kata bahasa atau dialek	Kekerapan	Peratus (%)
1	Dialek Kelantan	77	26.92
2	Bahasa Melayu	63	22.03
3	Bahasa Inggeris	60	20.98
4	Dialek Hokkien	54	18.88
5	Bahasa Siam	32	11.19
Jumlah		286	100

Jadual 4.3 di atas menunjukkan kekerapan dan percampuran kosa kata bahasa dan dialek yang berbeza yang wujud dalam bahasa Mandarin di Kelantan berdasarkan analisis daripada transkripsi pengkaji. Berdasarkan jadual di atas, dapat kita lihat dengan jelasnya, bahawa dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan semasa kaum Cina di Kelantan berkomunikasi dalam bahasa Mandarin, iaitu sebanyak 26.22%. Kemudiannya diikuti dengan bahasa Melayu, iaitu sebanyak 22.03%. Seterusnya diikuti dengan bahasa Inggeris 20.98%, dialek Hokkien 18.88% dan bahasa Siam 11.19%. Berdasarkan jadual di atas, dapat kita lihat bahawa dialek Kelantan paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Pengkaji berpendapat bahawa faktor lokasi dan latar belakang satu masyarakat amat mempengaruhi penggunaan bahasa seseorang penutur. Percampuran kosa kata dialek Kelantan kerap berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan kerana kaum Cina di Kelantan biasa bergaul dengan populasi majoriti di Kelantan, iaitu kaum Melayu. Jadi, tidak hairanlah mengapa mereka kerap mencampurkan kosa kata bahasa Melayu dan dialek

Kelantan semasa menggunakan bahasa Mandarin.

Seterusnya pengkaji akan membincangkan secara terperinci bagaimana kod-kod yang terdiri daripada bahasa dan dialek yang berlainan dicampurkan ke dalam ujaran bahasa Mandarin di Kelantan berdasarkan contoh-contoh ujaran yang dipetik dalam perbualan yang dilampirkan.

4.1.1.1 Kosa kata dialek Kelantan yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Dialek Kelantan ialah bahasa setempat yang digunakan oleh masyarakat Kelantan dalam komunikasi harian mereka. Dialek ini merupakan loghat daripada bahasa Melayu standard. Walaupun dialek Kelantan ini terdapat banyak persamaan dengan bahasa Melayu standard, namun kadang-kadang ia tidak dapat difahami oleh penutur yang bukan berasal atau menetap di Kelantan. Contohnya dari segi fonetik, ciri utama dialek Kelantan adalah penggantian huruf 'n' dan 'ng' di belakang kata dengan huruf [ɛ] (sama dengan bunyi e dalam kata beca), misalan "bulan" berubah menjadi "bule", kawan disebut sebagai "kawe". Selain perbezaan dalam bentuk fonetik, malahan wujud juga banyak kosa kata yang berbeza makna dengan bahasa Melayu standard dalam dialek Kelantan, contohnya "gewe", bermaksud teman lelaki atau teman perempuan, "tokse" bermaksud tidak mahu.

Mengikut dapatan kajian pengkaji, dialek Kelantan ialah bahasa yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Dialek Kelantan merupakan dialek yang digunakan secara meluas oleh masyarakat Kelantan. Kaum Cina merupakan kaum minoriti di negeri Kelantan, oleh itu apabila mereka bergaul dengan kaum-kaum lain,

secara tidak langsung semasa menggunakan bahasa Mandarin, kaum Cina di Kelantan akan mencampurkan kosa kata dialek Kelantan ke dalam ujaran-ujaran kata mereka. Di sini, pengkaji akan membincangkan beberapa contoh yang dipetik dalam transkripsi rakaman pengkaji. Di dalam setiap contoh yang akan dikemukakan, pengkaji akan memaparkan tiga tahap penterjemahan yang berbeza, iaitu tahap pertama ialah ujaran yang dipetik terus daripada perbualan yang didapati, tahap kedua pula penterjemahan terus yang berdasarkan makna kosa kata yang dikemukakan, dan tahap ketiga pula merupakan penterjemahan maksud ujaran yang dikemukakan oleh responden dalam bahasa Melayu.

Contoh (1): Dipetik daripada ujaran U11

U11: B: Ya Allah, wQ nCli yQu ngejek nK? wQ jiCng zhFn huD jah.

Ya Allah, [saya][mana][ada][ngejek][awak]?[saya][cakap]
[benar][kata]jah

(Allah, saya mana ada sindirkan awak? Saya cakap benar)

Contoh (1) adalah contoh ujaran yang dipetik dalam transkripsi perbualan responden. Dalam ujaran di atas dapat kita lihat bahawa penutur telah mencampurkan tiga kosa kata dialek kelantan dalam satu ujaran yang pendek, iaitu “alloh” (Allah), “ngejek” (menyindir), dan “jah” (saja). Kosa kata “alloh” adalah dialek kelantan yang bermakna “Allah”, dalam masyarakat Kelantan, “alloh” ini membawa maksud simbolik kata seru yang menunjukkan perasaan hati yang tidak sudi. “Ngejek” pula merupakan dialek kelantan yang membawa maksud “sindir”. Di samping itu, “jah” pula ialah dialek Kelantan yang membawa maksud “saja”.

Contoh (2): Dipetik daripada ujaran U13

U13: A: JlnwCn wQ mAmalah zhWfDn, tA jiDo wQ qX pasar male
mCi

KFC.

*[malam ini][saya][emak] malah [masak],[dia][suruh][saya][pergi]
pasar male [beli] KFC.*

(Malam ini emak saya malas masak, dia suruh saya pergi beli KFC di
nasar malam)

Contoh (2) ialah ujaran yang telah dipetik juga daripada transkripsi perbualan. Di sini penutur telah menggunakan dua kosa kata dialek Kelantan dalam satu ujaran. Contohnya dalam ujaran di atas, penutur telah menggunakan “malah”, dan “pasar male”. Kosa kata “malah” bermaksud malas, pada kebiasaannya kosa kata ini digunakan oleh masyarakat Kelantan manakala “pasar male” bermakna pasar malam. Ayat di atas menunjukkan bahawa kaum Cina di Kelantan telah menggunakan istilah percampuran kod dalam sesuatu pertuturan. Oleh sebab itu, kebanyakan kaum Cina di Kelantan fasih berbahasa Melayu berbanding dengan kaum Cina di tempat-tempat lain. Berdasarkan contoh di atas, boleh kita lihat bahawa walaupun terdapat kosa kata bahasa Mandarin yang boleh menggantikan “malah” dan “pasar male”, iaitu “*lCnduR*” dan “*yHshL*”, namun kaum Cina di Kelantan lebih gemar gunakan dialek Kelantan “malah” dan “pasar male” semasa berkomunikasi kerana mereka sudah biasa dengan kosa kata dialek Kelantan, dan akan terus mencampurkan kosa kata dialek Kelantan ke dalam ujaran dengan tanpa disedari.

Contoh (3): Dipetik daripada ujaran U64

U64: A: o, yuBnlBi shL **laguni**. nK mJngtiAn hBi **ajok** shuJ hF wQmen
yLqK qX.

*[oh],[rupa-rupanya][ialah]laguni.[Awak][esok][lagi] ajok [siapa]
[dengan][kami][bersama][pergi]?*

Dalam contoh (3) di atas dapat kita lihat, “laguni” dan “ajok” adalah kosa kata daripada dialek Kelantan, di mana “laguni” bermaksud “macam ini” manakala “ajok” bermakna “ajak” yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan. Penutur telah mencampurkan kosa kata dialek Kelantan dalam ujaran pendek dengan tanpa disedari apabila mereka bertutur dalam bahasa Mandarin.

4.1.1.2 Kosa kata dialek Hokkien yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Dialek Hokkien ialah dialek Cina yang digunakan paling meluas di kalangan kaum Cina di Kelantan. Dialek Hokkien merupakan sebuah dialek Cina yang berasal dari wilayah Fujian (Hokkien) di China. Nama dialek ini berasal daripada sebutan nama Fujian dalam dialek itu sendiri, iaitu Hokkien. Dialek Hokkien ditutur secara meluas di wilayah Fujian dan pulau Taiwan, serta bahagian-bahagian utara dan selatan Semenanjung Malaysia (seperti Pulau Pinang dan Johor Bharu) dan Singapura. Walaupun di kalangan kaum Cina Kelantan, wujudnya kaum Cina Kantonis, kaum Cina Hakka, kaum Cina Teowchew dan sebagainya, namun didapati dialek Hokkien merupakan dialek Cina yang digunakan dengan paling meluas di Kelantan. Ini kerana, menurut tinjauan dan pemerhatian pengkaji,

kebanyakan kaum Cina di Kelantan berketurunan Hokkien. Jadi, tidak hairanlah mengapa dialek Hokkien dipilih sebagai bahasa pengataran utama komuniti Cina di Kelantan.

Contoh (4): Dipetik dari ujaran U1

U1: A: NA ge **xiaopo** yRu lBi **gila babi** le, wQ zhEnde shL **be tahan** tA de **chao kuan** le.

*[itu][orang] **xiaopo** [lagi][datang] **gila babi** [sudah],[saya][sungguh][ialah] **be tahan**[dia][punnya] **chao kuan** [sudah]*

(Perempuan gila itu mengamuk lagi, saya memang tidak boleh tahan dengan

Berdasarkan ujaran U1 di atas, penutur telah mencampurkan beberapa kosa kata yang terdiri daripada dialek Hokkien dan bahasa Melayu. “Xiaopo” adalah salah satu kosa kata dialek Hokkien yang sering digunakan oleh kaum Cina di Kelantan yang bermaksud perempuan gila. “Gila babi” merujuk kepada perbuatan seseorang yang melampaui batas, seperti situasi di atas, penutur menerangkan perbuatan perempuan yang sedang mengamuk itu melampaui batas dan seseorang itu tidak seharusnya menonjolkan sifat pemarah dan panas baran tersebut. Mereka seharusnya bersabar dalam menangani apa jua masalah yang melanda. Penutur telah menggunakan kosa kata “be tahan” yang datangnya daripada dialek Hokkien. “be tahan” bermakna tak boleh tahan. Di sini dapat kita lihat bahawa kosa kata hokkien dipengaruhi oleh bahasa Melayu, di mana “be” dalam dialek hokkien ialah tidak boleh, manakala “tahan” ialah kosa kata yang dipinjam daripada bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, penutur juga menggunakan unsur-unsur daripada dialek Hokkien dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin iaitu “chao kuan”. “Chao” ialah busuk manakala “kuan” ialah perangai mengikut dialek Hokkien. Percampuran kod dalam ujaran seperti yang dituturkan dalam ayat di atas sering digunakan oleh kaum Cina di Kelantan.

Contoh (5): Dipetik dalam Ujaran U6

U6: A: **Arr**, wQ **malas** yDo qX. nDli de rFn duO dDo yDo sK. YRu **zhuat ka be si**,

mFiyou **air-corn**.

Arr, [saya] **malas** [nak][pergi].[sana][punya][orang] [ramai] sampai][nak][mati].[lagi] **zhuat ka be si**, [tak ada] **air-corn**.

(Ah saya malas nak pergi Terlalu ramai orang di sana Sangat panas Tak

Dalam contoh (5) di atas, dalam satu ujaran wujudnya beberapa bahasa atau dialek yang berlainan yang dicampurkan. “arr” adalah salah satu daripada kata tugas bagi menunjukkan reaksi penutur dalam ujaran tersebut. Penutur telah menunjukkan reaksi tidak suka dengan situasi ketika itu. Kosa kata bahasa Melayu yang dicampurkan ke dalam ujaran tersebut ialah “malas”, manakala kosa kata bahasa Inggeris yang digunakan adalah “air-cond” iaitu penghawa dingin. Bukan sahaja kaum Cina di Kelantan menggunakan kosa kata tersebut tetapi majoriti kaum di negara ini turut menggunakan istilah tersebut. Seterusnya, kosa kata dialek Hokkien yang dicampurkan ialah “ka be si”. “ka be si” dalam dialek Hokkien jika diterjemahkan berdasarkan maksud istilah tunggal, ia bermaksud “seperti nak mati”, tapi apabila dihadiri dengan kata sifat di depan kosa kata “ka be si”, ia membawa maksud yang berlainan, iaitu sebagai kata sifat penguat yang bermaksud “sangat”. Contohnya dalam contoh (5), “zhuat” membawa maksud panas, jadi “zhuat ka be si” membawa maksud sangat panas.

Contoh (6): Dipetik dalam ujaran U10

U10: A: PFi nK qX hBi yDo tlng nK jiCng **shuanxiao** huD.

[teman][awak][pergi][masih][nak][dengar][awak][cakap]
shuanxiao *[kata]*

(Teman awak pergi masih lagi nak dengar sindiran

Bagi contoh (6) yang dipetik dalam ujaran U10 di atas, penutur hanya menggunakan satu kosa kata sahaja iaitu kod dialek Hokkien. Kosa kata dialek hokkien “shuanxiao” bermaksud kata-kata sindiran. Menurut pemerhatian pengkaji, sebenarnya “shuanxiao” dalam dialek Hokkien ini mempunyai kosa kata dalam bahasa Mandarin yang boleh menggantikan maksudnya dengan tepat untuk maksud “kata-kata sindiran” iaitu “*fEngliBnghuD*” (风凉话). Namun, kosa kata bahasa Mandarin piawai ini jarang digunakan oleh kaum Cina di Kelantan.

Contoh (7): Dipetik dalam ujaran U23

U23: B: ND tA yJge rFn zhX bV huL **xian meh?**

[Jadi][dia][seorang][orang][tinggal][tidak][akan] **xian meh**

(Jadi dia tinggal berseorangan tidak bosan kah?)

“Xian” adalah dialek Hokkien yang memberi makna bosan manakala “meh” adalah kata tugas bagi menunjukkan kebosanan yang akan melanda. Bukan setakat kaum Cina di Kelantan, “xian” ini merupakan satu kosa kata yang amat kerap digunakan oleh kaum Cina Malaysia. Menurut dapatan temu bual yang akan dibincangkan kemudian, ramai yang berpendapat bahawa kosa kata “xian” dalam dialek Hokkien ini sering digunakan kerana

tiadanya kosa kata yang boleh menggantikan istilah ini dengan sepenuhnya dalam bahasa Mandarin. Maksud “xian” dalam dialek Hokkien bukan sahaja membawa maksud bosan, namun ia juga membawa maksud perasaan dalam hati yang kecewa, yang tidak ingin atau tidak berupaya melakukan apa-apa. Hal ini menunjukkan salah satu faktor yang menyebabkan penutur melakukan percampuran kod semasa berkomunikasi disebabkan mereka rasa tiadanya kosa kata dalam bahasa yang dituturkan itu yang dapat menggantikan istilah yang hendak mereka sampaikan.

4.1.1.3 Kosa kata bahasa Melayu yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Selain kosa kata dialek Kelantan dan kosa kata dialek Hokkien, kosa kata bahasa Melayu baku juga merupakan kod yang sering dicampurkan ke dalam pertuturan bahasa Mandarin di Kelantan. Keadaan ini wujud kerana kaum Cina di Kelantan biasanya bergaul dengan masyarakat Melayu dalam kehidupan harian mereka. Di samping itu, pendidikan bahasa Melayu juga didedahkan kepada kaum Cina di Kelantan sejak mereka belajar di sekolah rendah lagi. Memang merupakan satu hakikat jika dikatakan penguasaan bahasa Melayu kaum Cina di Kelantan adalah lebih baik daripada penguasaan bahasa Inggeris mahupun bahasa ibunda mereka sendiri, iaitu bahasa Mandarin. Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik, jadi tidak hairanlah sesuatu bahasa mengalami asimilasi dan wujudnya begitu banyak kata-kata pinjaman dalam pelbagai aliran bahasa. Contoh-contoh kosa kata bahasa Melayu yang merupakan kata pinjaman bahasa Mandarin ialah *mahjong*, *apek*, *samseng*, *popia* dan sebagainya.

Di bawah adalah contoh-contoh ujaran yang wujudnya percampuran kosa kata bahasa Melayu dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

Contoh (8): Dipetik dalam ujaran U48

U48: B: **Tapi** wHishFnme wQ mFiyou tlngguR tA jiCngqK tA **kenal**
nK?

***Tapi**, [mengapa][saya][tiada][dengar][dia][cakap][dia] **kenal**
[awak]?*

Dalam contoh (8), dapat kita lihat dengan jelas, “tapi” dan “kenal”, merupakan kosa kata bahasa Melayu baku yang dicampurkan ke dalam ujaran tersebut. Dua kosa kata ini sering kali digunakan oleh kaum Cina di Kelantan. “Tapi” adalah singkatan daripada perkataan “tetapi”, kaum Cina di Kelantan suka menggunakan perkataan “tapi” sebagai pembuka sesuatu ujaran terutamanya wujud perasaan tidak setuju ataupun ingin menolak permintaan seseorang. Manakala “kenal” digunakan untuk menunjukkan penutur tersebut mengetahui seseorang itu. Menurut pemerhatian pengkaji, kaum Cina di Kelantan lebih banyak gunakan “kenal” daripada kosa kata bahasa Mandarin “*rHnshL*” (认识).

Contoh (9): Dipetik dalam Ujaran U57

U57: B: NK zhEnde hGn **bodoh**.

*[Awak][memang][sangat] **bodoh**.*

(Awak memang sangat bodoh!)

Contoh (9) adalah contoh ujaran yang dipetik dalam transkripsi perbualan pengkaji, iaitu dalam ujaran 57. “Bodoh” adalah kosa kata bahasa Melayu yang bermaksud seseorang itu kurang pandai. “Bodoh” adalah perkataan yang agak kasar dari segi istilah bahasanya. Kebiasaannya, kita akan menggunakan perkataan ini apabila dalam keadaan marah atau

tidak dapat mengawal emosi. Selain bodoh, mengikut tinjauan pengkaji, banyak juga kata-kata adjektif bahasa Melayu yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, contohnya, *alim, benci, bodoh, malu, nakal, pening* dan sebagainya.

Contoh (10): Dipetik dalam ujaran U31

U31: B: nD shL qXniBn **Cikgu** Aminah jiAo de, wQ nCli hBi **ingat lagi?**

*[itu][ialah][tahun lepas] Cikgu Aminah [ajar][punya],[saya]
[mana][masih] ingat lagi*

(Itu ialah yang cikgu Aminah ajar tahun lepas, mana lagi saya ingat?)

Dalam contoh (10), tiga kosa kata bahasa Melayu baku yang dicampurkan ke dalam ujaran U31 ini, iaitu “cikgu”, “ingat” dan “lagi”. Penutur mencampurkan kosa bahasa Melayu “cikgu” dalam ujaran ini kerana ia diikuti dengan “Aminah”, di mana Cikgu Aminah merupakan satu kata nama khas yang biasa subjek-subjek ini gelarkan cikgu mereka. Jadi, dalam perbualan harian, mereka terus menggunakan “Cikgu Aminah” dan bukannya “Aminah laoshi”. Sehubungan itu, “ingat” pula sering kali dicampurkan ke dalam pertuturan harian kaum Cina di Kelantan. Kosa kata “ingat” membawa beberapa maksud, selain daripada maksud asal “ingat” dalam bahasa Melayu baku, dalam dialek Kelantan, “ingat” juga membawa maksud “menyangka”.

4.1.1.4 Kosa Kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Sejajar dengan perubahan zaman global kini, percampuran kosa kata bahasa Inggeris sudah menjadi satu fenomena biasa dalam pertuturan bahasa Mandarin di Kelantan.

Melalui dapatan kajian, dapat kita lihat bahawa kebanyakan istilah bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ujaran bahasa Mandarin di Kelantan adalah berkait rapat dengan teknologi terkini, sama ada telekomunikasi ataupun internet. Contoh *sms, internet, online, top up, chatting* dan sebagainya.

Contoh (11): Dipetik dalam Ujaran U37

U37: B: ShXxuF shL yBo mGitiAn zuR **practice** de, zuR duOduO **exercise** nK jiX huL la.

[Matematik][ialah][hendak][setiaphari][buat][practice][punya],[buat][banyak][exercise][awak][akan][pandai][lah]

(Matematik perlu setiap hari membuat latihan, kalau buat banyak soalan

Dalam contoh (11) di atas, “practice” dan “exercise” adalah dua kosa kata daripada kosa kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, kedua-dua perkataan ni bermaksud latihan. “Practice” membawa maksud latihan dalam bentuk kata kerja, manakala “exercise” di sini merupakan kata nama. Penutur telah mencampurkan kosa kata bahasa Inggeris ini dalam ujaran tersebut untuk menerangkan situasi di mana seseorang itu perlu membuat banyak latihan supaya menjadi lebih mahir.

Contoh (12): Dipetik daripada Ujaran U68

U68: A: Mingtian jie ni de **Mp3** ji he **pendrive**

[esok][pinjam][awak][punya] Mp3 [alat][dan] pendrive

(Esok pinjam alat permainan muzik awak dan alat penyimpan data.)

Dalam contoh (12), “Mp3 ji” adalah satu kata khas daripada kosa kata bahasa Inggeris yang bermaksud alat permainan muzik, dan “pendrive” pula membawa maksud alat penyimpan data. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, fenomena percampuran kosa kata

bahasa Inggeris sering dicampurkan ke dalam perbualan harian kebanyakan responden, tidak kira apa pun bahasa komunikasi mereka, terutama kosa kata yang berkaitan dengan teknologi baru. “Mp3 ji” mempunyai istilah penterjemahan dalam bahasa Mandarin, iaitu “yInyuH bOfDng qL” (音乐播放器), tapi ramai orang yang tidak mengetahui kosa kata ini. Begitu juga dengan “pendrive”, responden biasanya dengan menyebut alat penyimpan data itu sebagai “pendrive”, ramai di kalangan mereka yang tidak pernah mengetahui kosa kata “U pBn” (U盘) yang merupakan kosa kata penterjemahannya.

4.1.1.5 Kosa kata bahasa Siam yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Seperti dibincangkan di bahagian pengenalan, kaum Cina di Kelantan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu Cina bandar dan Cina kampung. Cina kampung juga digelar sebagai Cina peranakan ataupun Cina Siam. Walaupun responden-responden yang pengkaji pilih dalam kajian ini merupakan golongan Cina bandar yang menetap di Kota Bharu, namun mereka kerap bergaul dengan kaum Cina kampung dan masyarakat Siam di Kelantan. Oleh itu, mereka kerap mencampurkan kosa kata bahasa Siam semasa bertutur dalam bahasa Mandarin, terutamanya apabila hendak menggunakan kosa kata yang berkenaan dengan upacara agama dan jenis-jenis makanan orang Siam, kaum Cina di Kelantan gemar terus menggunakan kosa kata bahasa Siam walaupun mereka bertutur dalam bahasa Mandarin. Contoh kosa kata bahasa Siam yang berkenaan dengan upacara agama Buddha yang sering dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan adalah seperti “wat” (kuil), “poktan” (sami), “saibat” (membuat sedekah), “bat” (dosa) dan sebagainya. Manakala, berhubungan dengan makanan siam pula, kosa kata seperti

“kaojam” (nasi kerabu), “paocham” (kerabu mangga), “kengpet” (gulai pedas), dan lain-lain lagi.

Contoh (13): Dipetik dalam ujaran U19

U19: B: NK de **meke** zhX zDi nCli? HBi zDi **sprat** ma?

[awak][punya] meke [tinggal][di][mana]?[Masih][di] sprat [kah]?

(nenek awak tinggal di mana? Masih di Semarak kah?)

Dalam ujaran di atas, penutur telah mencampurkan dua kosa kata bahasa Siam dalam satu ujaran yang pendek, iaitu “meke” dan “sprat”. Kosa kata “meke” adalah bahasa Siam yang membawa maksud nenek. Di Kelantan, perkahwinan bercampur merupakan satu fenomena yang biasa berlaku, terutamanya ialah kaum Cina berkahwin dengan Cina Peranakan Kelantan. Cina Peranakan Kelantan merupakan golongan yang tidak boleh berbahasa Mandarin, mereka biasanya menggunakan bahasa Siam ataupun dialek Hokkien yang dicampuri dengan dialek Kelantan. Apabila berlakunya perkahwinan bercampur, anak-anak mereka secara langsungnya akan mencampurkan kosa kata bahasa Siam apabila bertutur dalam bahasa Mandarin, terutamanya kata-kata gelaran seperti “meke” (nenek) dan “poke” (datuk). Jadi, boleh kita lihat dalam ujaran di atas, penutur terus menggunakan kosa kata bahasa Siam “meke”, yang bermakna nenek semasa bertutur dalam bahasa Mandarin. Ini kerana penutur tahu bahawa pendengar menggelar neneknya sebagai “meke”, bukannya “pPpo” yang bermaksud nenek dalam bahasa Mandarin. Sementara itu, “sprat” pula merupakan kosa kata bahasa Siam yang membawa maksud “Semarak”, iaitu satu nama khas, sebuah perkampungan Cina peranakan di Kelantan.

Contoh (14): Dipetik dalam ujaran U26

u26: A: TA hGn hCo xIn de. nDxiE **poktan** la, **meqi** la dRu hGn xKhuAn
tA. ylnwHi tA

tanbum hGnduO de.

*[dia][sangat][baik][hati][punya].[semua itu] poktan [lah], meci
[lah][semuanya][sangat][suka][dia].[kerana][dia] tambun
[sangat][banyak][punya]*

(Dia sangat baik hati. Sami dan rahib perempuan juga sangat suka dia.


Dalam contoh (14) di atas, penutur telah mencampurkan tiga kosa kata bahasa Siam dalam satu ujaran, iaitu “poktan”, “meqi” dan “tambun”. Dalam bahasa Siam, ketiga-tiga kosa kata ini adalah kosa kata yang berkait rapat dengan domain keagamaan, di mana “poktan” membawa maksud sami, “meqi” bermakna “rahib perempuan”, dan “tambun” bermakna membuat zakat. Mengikut pemerhatian pengkaji, apabila berbual berkenaan dengan topik agama, biasanya kaum Cina di Kelantan akan terus mencampurkan kosa kata bahasa Siam ke dalam bahasa Mandarin.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa fenomena percampuran kod ini adalah berleluasa dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Dapatan kajian ini telah menunjukkan kekerapan berlakunya percampuran kod yang pelbagai dalam bahasa Mandarin di Kelantan menyebabkan hanya kaum Cina di Kelantan saja saling memahami maksud yang hendak disampaikan, kaum Cina di luar Kelantan agak sukar memahami maksud sesuatu ujaran dalam bahasa Mandarin di Kelantan, terutamanya berlakunya percampuran kod dalam dialek Kelantan dan bahasa Siam.

4.1.2 Analisis percampuran kod dalam bahasa Mandarin mengikut penggolongan kata

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat golongan kata yang penutur bahasa Mandarin di Kelantan paling kerap melakukan percampuran kod ketika mereka bertutur dalam bahasa natif, iaitu bahasa Mandarin. Dalam Bahagian 4.1.1, telah jelas kita lihat bahawa wujudnya lima jenis kod yang biasanya dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, iaitu kosa kata bahasa Melayu, kosa kata dialek Kelantan, kosa kata bahasa Inggeris, kosa kata bahasa Siam dan kosa kata dialek Hokkien. Jadi, dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan tentang analisis percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata. Analisis ini dilakukan berpandukan data yang diperolehi dengan menggunakan kaedah pemerhatian berserta dan berpandukan transkrip yang telah pun diterjemahkan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengkategorikan empat golongan kata yang utama, iaitu golongan kata nama, golongan kata kerja, golongan kata adjektif dan kata tugas.

Pengkaji mengkategorikan golongan-golongan kata tersebut berpandukan pecahan yang dicatat dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi terbaru (Nik Safiah Karim, 2004). Kerangka teori penggolongan kata yang diutarakan oleh Nik Safiah adalah seperti Rajah pokok berikut:



Berdasarkan kerangka teori penggolongan bahasa Nik Safiah Karim, pengkaji telah mengalisiskan kod-kod yang bercampuran dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Hasil kajian dipaparkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4 Analisis percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan bahasa

Kod	kata nama	kata kerja	kata adjektif	kata tugas	Jumlah
Bahasa Melayu	25 (39.68%)	8 (12.70%)	16 (25.8%)	14 (20.96%)	63 (100%)
Dialek Kelantan	15 (19.48%)	17 (22.08%)	27 (35.06%)	18 (23.38%)	77 (100%)
Dialek Hokkien	17 (31.48%)	7 (12.96%)	24 (44.44)	6 (11.11%)	54 (100%)
Bahasa Inggeris	36 (60.00%)	12 (20.00%)	7 (11.67%)	5 (8.33%)	60 (100%)
Bahasa Siam	14 (43.75%)	6 (18.75%)	5 (15.63%)	7 (21.87%)	32 (100%)
Jumlah (Bil)	107	50	79	50	286
(%)	(34.41%)	(17.48%)	(27.62%)	(17.48%)	(100%)

Jadual 4.4 di atas merupakan analisis percampuran kod yang pelbagai dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata. Empat golongan kata yang telah dikategorikan, iaitu golongan kata nama, golongan kata kerja, golongan kata adjektif dan golongan kata tugas. Berdasarkan Jadual 4.3 di atas, kata nama merupakan golongan kata yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, iaitu kekerapan sebanyak 107 kali (34.41%), kemudiannya diikuti dengan kata adjektif (27.62%), kata tugas (17.48%) dan kata kerja (17.48%).

Mengikut tinjauan dan pemerhatian pengkaji, golongan kata nama adalah golongan kata yang paling kerap dicampurkan semasa penutur melakukan percampuran kod semasa mereka bertutur dalam bahasa Mandarin. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku kerana penutur terus menggantikan istilah kata nama, sama ada kata nama khas ataupun kata nama am dalam bahasa asing semasa mereka hendak menyampaikan sesuatu.

Menurut dapatan temubual bersama responden dalam kajian rintis, faktor penguasaan bahasa Mandarin piawai yang rendah merupakan penyebab utama penutur terus menggantikan kata-kata nama tersebut dengan kosa kata bahasa ataupun dialek lain.

Seterusnya, pengkaji akan membincangkan dengan lebih mendalam berkenaan dengan adalah keadaan percampuran kod yang pelbagai dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata dengan disertai dengan contoh-contoh yang dikumpul daripada data kajian.

4.1.2.1 Kosa kata bahasa Melayu yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghurai kosa kata bahasa Melayu yang bercampur dalam Bahasa Mandarin di Kelantan. Jadual 4.4 telah menunjukkan kosa kata bahasa Melayu yang dikategorikan mengikut penggolongan kata. Dalam kosa kata bahasa Melayu, pengkaji mengkategorikan kod-kod tersebut kepada empat penggolongan bahasa, iaitu golongan kata nama, golongan kata kerja, golongan kata adjektif dan kata tugas.

Jadual 4.5 Kosa kata bahasa Melayu yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

kata nama	kata kerja	kata adjektif	kata tugas
1. badminton	1. cabar	1. alim	1. kali ini
2. bola sepak	2. kahwin	2. benci	2. lagi
3. bulatan	3. kenal	3. bodoh	3. saja
4. cikgu	4. minat	4. ego	4. memang
5. daging bakar	5. ponteng	5. gila babi	5. pun
6. lesen	6. tolong	6. lucu	6. sangat
7. lilitan	7. janji	7. malas	7. sebentar
8. mamak		8. malu	8. yalah
9. nasib		9. nakal	9. tapi
10. pasar		10. pening	10. aduh
11. pasar malam		11. rapat	11. kerana
12. pengacara		12. samalah	12. dari
13. pengadil		13. serabut	13. lembut
14. pengetua		14. setuju	14. sungguh
15. perhimpunan		15. kuat	
16. skaf		16. ulu	
17. prof			
18. doktor			
19. kancil			
20. ketua			
21. sate			
22. nasi kerabu			
23. tangga			
24. kunci			
25. bandar			

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, pengkaji mendapati bahawa kosa kata bahasa Melayu yang paling kerap bercampur dalam bahasa Mandarin adalah kata nama di mana mengikut analisis ini terdapat 25 patah perkataan digunakan dalam sesebuah komunikasi. Misalnya, *badminton*, *bola sepak*, *cikgu*, *daging bakar*, *pasar malam*, *nasi kerabu*, *mamak*, *skaf*, *pengacara*, *pengadil* dan sebagainya. Hal ini berlaku kerana pergaulan etnik yang pelbagai di Kelantan dan penutur kebanyakannya adalah bermultilingual. Oleh itu, wujudlah percampuran kod di kalangan kaum Cina di Kelantan. Seterusnya, ialah golongan kata adjektif. Contoh kata-kata adjektif dalam bahasa Melayu yang wujud dalam data pengkaji ialah *alim*, *benci*, *ego*, *gila babi*, *lucu*, *malas*, *malu*, *nakal*, *pening*, *rapat*, dan sebagainya. Pengkaji juga mendapati bahawa kata tugas turut kerap dicampurkan ke dalam

pertuturan bahasa Mandarin kaum Cina di Kelantan sebagai contohnya *kali ini, lagi, saja, memang, pun, sangat, sebentar, yalah, tapi, aduh, kerana, dan* sebagainya. Mengikut tinjauan, memang menjadi suatu kebiasaan bagi kaum Cina di Kelantan akan menggunakan kata tugas sebagai pembuka kata dalam ujaran bahasa Mandarin, contohnya *tapi, yalah* dan sebagainya.

Akhir sekali, perkataan seperti *kahwin, kenal, minat, janji, tolong*, dan lain-lain lagi adalah golongan kata dalam kumpulan kata kerja yang turut popular digunakan di kalangan kaum Cina semasa mereka bertutur dalam bahasa Mandarin.

4.1.2.2 Dialek Kelantan yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

Dialek Kelantan ialah bahasa setempat yang digunakan oleh masyarakat Kelantan semasa komunikasi harian. Jadi, boleh kita katakan dialek Kelantan merupakan lingua franca di Kelantan, kerana majoriti masyarakat di Kelantan tidak kira mereka yang terdiri kaum Melayu, Cina, Siam ataupun India, semuanya boleh bertutur dalam dialek Kelantan dengan lancarnya. Jadi sudah menjadi suatu kebiasaan bagi kaum Cina di Kelantan mencampurkan kosa kata dialek Kelantan dalam interaksi mereka.

Jadual 4.6 Dialek Kelantan yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata .

kata nama	kata kerja	kata adjektif	kata tugas
1. anak murek (pelajar)	1. ajok (ajak)	1. agah (sombong)	1. acu (jika)
2. bojeng (rambut)	2. bodek (mengampu)	2. beci (benci)	2. aloh (Allah)
3. budok (budak)	3. bungkuh (bungkus- kan)	3. biaso (biasa)	3. bangu (baru sahaja)
4. genggeng (kawan)	4. cango (mengambil kira)	4. bodo (bodoh)	4. doh (sudah)
5. gewe (kekasih)	5. goste (mengundur)	5. bual (membual)	5. hingo (hingga)
6. gu (kawan)	6. gunga (bergurau)	6. cema (kotor)	6. jah (saja)
7. kotok (kotak)	7. kenak (mengacau)	7. deoh (terlampau)	7. kalu (kalau)
8. moktuo (mak mertua)	8. kona (pusing)	8. gadoh (cemas)	8. laguni (macam ini)
9. nate (binatang)	9. make gula (menghadiri kenduri)	9. gayo (bergaya)	9. loni (sekarang)
10. pasar male (pasar malam)	10. ngorat (bercinta)	10. gegeh (bising)	10. mace (macam)
11. pelangge (pelanggan)	11. ngupak (mengupat)	11. gilo (gila)	11. meme (memang)
12. peranga (perangai)	12. paje (menghukum)	12. gipik (sepet)	12. ni (ini)
13. semengok (semerak)	13. sembahye (sembahyang)	13. jiwo (suka berkhayal)	13. pah (selepas)
14. teksi (beca)	14. tanyo kabar (kirim salam)	14. kayo (kaya)	14. pahtu (selepas itu)
15. topek (Cina)	15. tapa (tampar)	15. kekok (tidak selesa)	15. pulok (pula)
	16. tok cango (tidak kisah)	16. malah (malas)	16. sebab (kerana)
	17. tok se (tak mahu)	17. manjo (manja)	17. sokmo (selalu)
		18. mase (masam)	18. tu (itu)
		19. nakot (pengecut)	
		20. ngama (ramai)	
		21. ngejek (menyindir)	
		22. nyanyok (nyanyuk)	
		23. pade muko (padan muka)	
		24. puah (bosan)	
		25. sengo (kecil hati)	
		26. siye (kesian)	
		27. ulu (terpinggir)	

Selanjutnya, berdasarkan Jadual 4.6 di atas, golongan kata dalam dialek Kelantan yang paling kerap digunakan oleh kaum Cina di Kelantan dalam pertuturan mereka ialah kumpulan kata adjektif. *Agah, beci, biaso, bodo, bual, cema, de oh, gadoh, gayo, gegeh, gilo, gipik*, dan sebagainya adalah sebahagian daripada contoh kata adjektif yang wujud dalam data transkripsi pengkaji. Bukan itu sahaja, golongan kata bagi kata tugas juga turut menjadi isu di mana terdapat sesetengah daripada masyarakat Cina di Kelantan menggunakan kata tugas iaitu *acu, aloh, bangu, doh, hingo, jah, kalini, kalu, laguni*, dan *pahtu* dan lain-lain lagi. Pengkaji juga mendapati unsur-unsur kata kerja kerap digunakan

dalam percampuran kod bahasa Mandarin di kalangan kaum Cina di Kelantan seperti *ajok, bungkuh, cango, goste, gunga, kenak, kona, make gula, ngorta, ngupak peje* dan *sembahye*. Golongan kata yang seterusnya adalah kata nama di mana perkataan-perkataan yang paling kurang dinyatakan adalah *anok murek, bojeng, genggeng, gewe, gu, peranga* dan sebagainya.

4.1.2.3 Dialek Hokkien yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

Dialek Hokkien merupakan dialek Cina yang paling popular dan kerap digunakan di kalangan kaum Cina Kelantan. Ini kerana kebanyakan kaum Cina di Kelantan adalah berketurunan puak Hokkien. Menurut tinjauan pengkaji, dialek Hokkien di Kelantan kadang-kadang berbeza dengan dialek Hokkien yang dipertuturkan dengan orang Hokkien di luar Kelantan. Ini kerana, dalam dialek Hokkien yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan juga banyak mengalami fenomena percampuran kod dengan bahasa Melayu. Dalam Jadual 4.7, dapat kita lihat dialek Hokkien yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

Jadual 4.7 Dialek Hokkien yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

kata nama	kata kerja	kata adjektif	kata tugas
<ol style="list-style-type: none"> 1. bak (daging) 2. daiji (perkara) 3. dam ma nia (sekejap) 4. hona (Melayu) 5. huiguan (persatuan) 6. kuan (perangai) 7. kuni (tahun lepas) 8. poteh (Kota Bharu) 9. salongmua (sarung) 10. samseng gia (samseng) 11. tenglang (kaum Cina) 12. tigongzo (tuhanku) 13. xiaopo (perempuan gila) 14. zapo (lelaki) 15. zabo (gadis) 16. zabogia (anak perempuan) 17. zhebai (kali ini) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. diao (gantung) 2. jiabak (menghadiri kenduri) 3. limteh (minum teh) 4. port (mengadu) 5. shuanxiao (memerli) 6. sukak (menyukai) 7. tolong (membantu) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. be tahan (tak boleh tahan) 2. behiao (tak tahu) 3. boduo bosei (tidak sopan) 4. chao (buruk) 5. cholo (kasar) 6. cincai (suka hati) 7. engtao (kacak) 8. gaola (serius) 9. jialak (teruk) 10. lansi (sombong) 11. laozuat (meriah) 12. lihai (pandai) 13. loso (meleter) 14. ngong (bodoh) 15. paisei (malu) 16. shuixiao (malang) 17. song (seronok) 18. suat-suat ki (biarkan) 19. sui (malang) 20. taotiah (memeningkan) 21. xian (bosan) 22. zek ak (kejam) 23. zhekolang (berseorangan) 24. zhuat (panas) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. ane (begini) 2. bosila (bukan) 3. kabesi (sangat) 4. sibe (terlalu) 5. sikong (sangka) 6. zuomi (apa)

Jadual 4.7 di atas, dapat kita lihat dengan jelas pengklasifikasian golongan kata dialek Hokkien yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Jadi, dalam dialek Hokkien, golongan kata yang paling kerap digunakan oleh kaum Cina di Kelantan adalah kata adjektif, misalnya *behiao (tak tahu)*, *boduo bosei (tidak sopan)*, *chao (buruk)*, *cholo (kasar)*, *cincai (suka hati)*, *engtao (kacak)* dan *zhuat (panas)*. Dalam pada itu, tidak ketinggalan juga bagi golongan kata dalam kumpulan kata nama, sebagai contoh *daiji (perkara)*, *zabo (gadis)*, *huiguan (persatuan)*, *kuni (tahun lepas)*, *poteh (Kota Bharu)*, *salongmua (kain sarung)*, *samseng gia (budak samseng)* dan *tenglang (kaum Cina)*. Seterusnya adalah kata tugas seperti *ane (macam ini)*, *bosila (bukan)*, *kabesi (sangat)*, *sibe*

(*terlalu*), *sikong* (*anggap*) dan *zuomi* (*apa*) adalah kosa kata dialek Hokkien yang sering bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Dalam dialek Hokkien, golongan kata paling kurang digunakan adalah dalam kumpulan kata kerja. Contoh kata kerja yang wujud dalam kod Hokkien yang dicampurkan dalam bahasa Mandarin di Kelantan ialah *diao* (*gantung*), *limteh* (*minum teh*), *port* (*mengadu*), *shuanxiao* (*mengadu*), *sukak* (*suka*) dan sebagainya.

Menurut pemerhatian pengkaji, dalam dialek Hokkien yang dituturkan oleh orang Cina di Kelantan, juga wujudnya banyak peminjaman kata daripada bahasa Melayu, contohnya, *tolong*, *salong*, *sukak* dan sebagainya.

4.1.2.4 Kosa Kata bahasa Inggeris yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

Mengikut catatan sejarah, negara kita pernah dijajah oleh beberapa penjajah asing, iaitu oleh Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1821) dan British (1824-1957) serta Jepun (1942-1945). Di antara kuasa-kuasa asing, British telah menjajah dan memerintah Malaysia paling lama masanya, iaitu selama 133 tahun (1824-1957). Pemerintahan kerajaan British telah meninggalkan banyak kesan kepada aspek-aspek pembangunan negara kita, termasuklah aspek pentadbiran, sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Jadi memang tidak hairanlah wujudnya banyak kosa kata bahasa Inggeris yang bercampur dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina Kelantan.

Jelas dapat kita lihat bahawa wujudnya banyak kata peminjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Mandarin yang sering digunakan dalam masa kini. Oleh hal yang demikian,

tidak hairanlah masyarakat di Malaysia mencampurkan bahasa-bahasa dalam pelbagai versi. Begitu juga dengan perkembangan sains dan teknologi kini yang begitu pesat, pengkaji mendapati kebanyakan kosa kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam pertuturan kaum Cina di Kelantan ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin adalah berkenaan dengan kosa kata yang berkaitan dengan peralatan elektronik serta sains dan teknologi dalam era zaman moden kini.

Jadual 4.8 Kosa kata bahasa Inggeris yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

kata nama	kata kerja	kata adjektif	kata tugas
1. assignment	1. spot check	1. nice	1. oh my god
2. account	2. add	2. boring	2. bye
3. add maths	3. chatting	3. cute	3. then
4. aircorn	4. disconnect	4. free	4. hey
5. baby	5. online	5. friendly	5. sorry
6. battery	6. reload	6. low batt	6. ok
7. brother	7. reply	7. smart	7. why
8. camera	8. smash	8. double	8. shit
9. charger	9. top-up	9. single	
10. chocolate	10. try		
11. computer	11. exercise		
12. facial	12. register		
13. formula			
14. handfree			
15. handphone			
16. icecream			
17. ink			
18. laptop			
19. lipstick			
20. lotion			
21. math			
22. member			
23. mp3			
24. office			
25. pratice			
26. salesman			
27. sms			
28. snooker			
29. tomboy			
30. whitening			
31. girlfriend			
32. final			
33. pendrive			
34. semi final			
35. toner			
36. volleyball			

Jadual 4.8 di muka sebelah menunjukkan kosa kata bahasa Inggeris yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata. Kata nama bahasa Inggeris paling kerap digunakan dalam bahasa Mandarin di Kelantan, kemudiannya diikuti dengan kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Antara contoh kata nama yang bercampur dalam kosa kata bahasa Inggeris adalah seperti *assignment, account, add maths, air-corn, baby, battery, brother, camera, charger, computer, chocolate, formula, handfree, handphone dan ice cream*. Manakala bagi kata kerja ialah *spot check, add, chatting, disconnect, online, reload, reply, smash, top-up*, dan *try*. Di samping itu, golongan kata dalam kumpulan kata adjektif bahasa Inggeris turut digunakan oleh kaum Cina di Kelantan dalam sesuatu ujaran seperti *nice, boring, cute, free, friendly*, dan *smart, bye, then*, dan *sorry* adalah contoh-contoh kata tugas dalam kosa kata bahasa Inggeris yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Kebanyakan kosa kata bahasa Inggeris yang dicampurkan dalam bahasa Mandarin di Kelantan merupakan kosa kata yang berkaitan dengan sains dan teknologi, contohnya *laptop, charger, mp3, sms* dan sebagainya.

4.1.2.5 Kosa kata bahasa Siam yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

Dalam bahagian pengenalan, pengkaji telah membincangkan tentang latar belakang kaum Cina di Kelantan, iaitu golongan Cina peranakan dan Cina bandar. Disebabkan faktor pergaulan yang rapat dan perkahwinan bercampur dengan Cina peranakan dan masyarakat Siam di Kelantan, jadi memang tidak hairanlah kaum Cina di Kelantan sering mencampurkan kosa kata bahasa Siam ketika mereka bertutur dalam bahasa Mandarin.

Jadual di bawah menunjukkan kosa kata bahasa Siam yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut golongan kata.

Jadual 4.9 Kosa kata bahasa Siam yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata

kata nama	kata kerja	kata adjektif	kata tugas
1. meke (nenek)	1. Saibat (buat sedekah)	1. Prat (gila)	1. zaza pu tuo (kata seru)
2. bak (dosa)	2. Kaoma (masuk)	2. Ngam (cantik)	2. kaodai (berapa)
3. bun (pahala)	3. Lok (pulang)	3. Pheng (mahal)	3. liao (sudah)
4. kaojam (nasi kerabu)	4. Ma (datang)	4. Segan (benci)	4. maicai (bukan)
5. louketong (Tahun baru Siam)	5. Painai (pergi mana)	5. Suai (kacak)	5. ni (sini)
6. meci (rahib)	6. Tambun (buat zakat)		6. tongnan (sana)
7. menam (sungai)			7. tongnu (sini)
8. paojam (kerabu mangga)			
9. poke (datuk)			
10. poktan (sami)			
11. tomjam (Tomyam)			
12. wat (kuil)			
13. sairán (Hari perayaan Siam)			
14. Sprat (Semerak)			

Jadual 4.9 menunjukkan kosa kata bahasa Siam yang bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut penggolongan kata. Hal ini berlaku kerana ada di kalangan penduduk Siam yang berhidrah ke negeri Kelantan justeru telah mempengaruhi kaum Cina di Kelantan. Selain itu, perkahwinan bercampur di antara orang Siam dan kaum Cina di Kelantan turut mempengaruhi percampuran kod dalam bahasa Mandarin. Dalam jadual di atas, jelasnya golongan kata nama ialah kosa kata bahasa Siam yang paling kerap di campurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, contohnya *meke (nenek)*, *bak (dosa)*, *kaojam (nasi kerabu)*, *menam (sungai)*, *paojam (mangga kerabu)*, *poke (datuk)*, *poktan (sami)*, *tomjam (tomyam)* dan *wat (kuil)*. Dalam kata-kata nama di atas, kosa kata dalam bahasa Siam yang dicampurkan terus kebanyakannya berkaitan dengan upacara agama, contoh “wat” yang bermakna kuil, “poktan” membawa maksud sami dan sebagainya.

Dalam pada itu, kata tugas dalam kata bahasa Siam turut digunakan oleh masyarakat Cina di Kelantan misalnya, *kaodai (berapa)*, *liao (sudah)*, *maicai (bukan)*, *tongnan (sana)*, dan *tongnu (situ)*. Selanjutnya, kata kerja dan kata adjektif turut dipraktikkan dalam pertuturan kaum Cina di Kelantan misalnya *saibat (membuat sedekah)*, *kaoma (masuk)*, *lok (pulang)*, *ma (mari)* dan *painai (pergi ke mana)*, manakala bagi kata adjektif perkataan yang digunakan adalah *prat (gila)*, *ngam (cantik)*, *peng (mahal)*, *segan (benci)* dan *suai (kacak)*.

Berdasarkan analisis data kajian yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian berserta, kita boleh rumuskan bahawa dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan, memang dicampurkan dengan pelbagai kod yang berlainan, antaranya ialah kosa kata bahasa Melayu, kosa kata bahasa Inggeris, kosa kata bahasa Siam, dialek Kelantan dan dialek Hokkien. Di antara kod-kod yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, dapat kita rumuskan bahawa dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan.

Lantaran itu, penganalisan data juga menunjukkan bahawa kata nama merupakan golongan kata yang paling kerap bercampur dengan kod-kod lain ketika kaum Cina di Kelantan berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Seterusnya, diikuti dengan kata adjektif, kata tugas, dan akhirnya ialah kata kerja. Kata nama merupakan golongan kata yang paling kerap dicampurkan dengan kod lain di dalam bahasa Mandarin yang dituturkan oleh kaum Cina di Kelantan kerana majoriti kaum Cina akan terus menggunakan kata nama dalam bahasa yang mereka biasa gunakan dan secara tidak langsung akan menggunakan kata nama tersebut dalam bahasa Mandarin. Mengikut pandangan responden, hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor, namun faktor utamanya disebabkan penguasaan bahasa Mandarin

kaum Cina di Kelantan adalah lebih lemah jika berbanding dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

4.2 ANALISIS DAPATAN KAJIAN BERDASARKAN DATA SOAL SELIDIK

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah soal selidik. 60 orang responden dipilih untuk menjawab soal selidik yang direka bentuk untuk kajian ini.

Kajian ini membincangkan tentang analisis penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan, contohnya kekerapan menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin, jenis-jenis percampuran kod yang sering digunakan, serta faktor yang menyebabkan berlakunya permasalahan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Analisis juga dibuat untuk mengetahui sejauh manakah penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin yang diterapkan dalam kehidupan harian di kalangan kaum Cina di Kelantan.

Selain itu, analisis daripada soalan soal selidik yang berbentuk soalan terbuka juga akan dihuraikan dalam bab ini. Dalam soal selidik berbentuk soalan terbuka, responden telah mengemukakan pandangan dan pendapat mereka yang berlainan berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

4.2.1 Latar Belakang Responden

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan tentang latar belakang responden, iaitu meliputi jantina, umur dan tahap pendidikan. Seramai 60 orang responden telah dipilih untuk melengkapkan proses pengumpulan data dalam bahagian soal selidik untuk meninjau pandangan kaum Cina di Kelantan terhadap permasalahan percampuran kod dalam bahasa Mandarin yang melanda negeri ini.

4.2.1.1 Jantina responden

Jadual 4.10 Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	30	50.0
Perempuan	30	50.0
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.10 menunjukkan seramai 60 orang responden dipilih di mana 50.0% (30 orang) daripada responden adalah lelaki dan 50.0% (30 orang) lagi ialah responden perempuan. Responden adalah dipilih secara rawak untuk memperolehi data yang pengkaji perlukan.

4.2.1.2 Umur responden

Dalam kajian ini, taburan responden adalah golongan belia yang berumur 15-30. Responden kajian dibahagikan kepada tiga kumpulan umur yang merangkumi kumpulan

umur dalam lingkungan 15 hingga 19 tahun, kumpulan umur dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun, dan kumpulan umur dalam lingkungan umur 25 hingga 30 tahun.

Jadual 4.11 Taburan responden mengikut umur

Umur	Bilangan (orang)	Peratus (%)
15-19	20	33.3
20-24	20	33.3
25-30	20	33.3
Jumlah	60	100.0

Dalam Jadual 4.11 di atas, responden yang dipilih dikategorikan kepada tiga golongan, iaitu golongan pertama merupakan mereka yang berumur dalam lingkungan 15-19 tahun, di mana terdiri daripada golongan belia yang telah pengkaji jalankan kajian pemerhatian bersama bersama mereka. Kemudiannya diikuti oleh golongan belia yang berumur dalam lingkungan 20-24 tahun iaitu mereka yang menuntut di IPTS dan IPTA dan akhirnya golongan belia yang berumur dalam lingkungan 25-30 tahun yang terdiri daripada mereka yang sudah tamat pengajian dan mempunyai kerjaya masing-masing.

4.2.1.3 Tahap pendidikan responden

Jadual 4.12 Tahap pendidikan responden

Tahap pendidikan	Bilangan(orang)	Peratus (%)
Sekolah Menengah	28	46.7
Diploma	20	33.3
Ijazah dasar	10	16.7
Ijazah tinggi	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Berkenaan dengan tahap pendidikan responden, kebanyakan responden hanya menerima tahap pendidikan sekolah menengah yang mana bilangannya sebanyak 28 responden (46.7%), seterusnya dari tahap pendidikan diploma bilangannya sebanyak 20 responden (33.3%). Sementara mereka yang menerima pendidikan peringkat ijazah dasar pula bilangannya sebanyak 10 responden (16.7%) dan pendidikan ijazah tinggi hanya sebanyak 2 responden (3.3%).

Daripada peratusan yang dibuat menunjukkan bahawa tahap pendidikan dari sekolah menengah adalah yang paling tinggi dan tahap pendidikan dari tahap ijazah tinggi adalah yang paling rendah peratusannya daripada tahap pendidikan yang lain-lain.

4.2.2 Analisis fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Dalam bahagian ini, dapatan kajian mengenai fenomena penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan di kalangan responden yang terlibat dalam proses pengumpulan data melalui soal selidik dihuraikan dengan lebih lanjut. Dapatan kajian mengenai penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan yang dikaji ini dapat dikumpulkan melalui jawapan-jawapan responden dalam soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang dilampirkan di bahagian Lampiran B. Huraian dan rumusan dibuat ke atas jawapan-jawapan yang diberikan oleh setiap responden. Antaranya adalah penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin ketika berinteraksi, kod percampuran bahasa yang paling kerap digunakan, faktor yang menyebabkan fenomena percampuran kod digunakan secara meluas dalam bahasa Mandarin yang berlaku di Kelantan, dan sebagainya.

4.2.2.1 Kekerapan kaum Cina di Kelantan menggunakan percampuran kod dalam bahasa Mandarin

Jadual 4.13 Kekerapan penggunaan percampuran kod semasa berinteraksi dalam bahasa Mandarin

Responden	Kekerapan menggunakan percampuran kod semasa berinteraksi dalam bahasa Mandarin			Jumlah
	Kerap	Kadang-kala	Jarang	
Bilangan(org)	50	8	2	60
Peratus (%)	83.3%	13.3%	3.3%	100.0%

Jadual 4.13 di atas memaparkan analisis kekerapan penggunaan percampuran kod semasa berinteraksi dalam bahasa Mandarin berdasarkan soalan pertama dalam soal selidik yang dilampirkan pada Lampiran B. Hasil kajian membuktikan kaum Cina di Kelantan menunjukkan diri mereka sangat kerap menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Di antara 60 orang responden yang menjawab soal selidik, 50 orang responden (83.3%) responden yang mengakui bahawa mereka kerap menggunakan percampuran kod ketika menggunakan bahasa Mandarin. Manakala 8 orang responden (13.3%) mengakui bahawa mereka kadang-kala akan menggunakan percampuran kod ketika bertutur dalam bahasa Mandarin, dan hanya 2 orang daripada responden yang mengakui bahawa mereka jarang menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin.

Hasil kajian ini telah adalah sama dengan kajian yang dijalankan Soepomo (2005) dan Ho. Judy W.Y (2007) yang membuktikan fenomena percampuran kod memang kerap digunakan oleh responden kajian mereka. Persamaan ini wujud kerana responden yang dipilih dalam kajian pengkaji adalah mereka yang terdiri daripada golongan penutur yang bermultilingual, keadaan ini sama dengan responden yang dipilih oleh pengkaji-pengkaji yang disebut, di mana responden kajian Soepomo ialah masyarakat Melayu Brunei yang

berupaya bertutur dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, Ho Judy W.Y pula memilih masyarakat Cina di Hongkong yang bertutur dalam bahasa Inggeris dan Kantonis. Jadi, boleh kita rumuskan bahawa fenomena percampuran kod adalah satu fenomena yang kerap akan berlaku di dalam masyarakat yang bermultilingual.

4.2.2.2 Kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Jadual 4.14 Kod yang paling kerap dicampurkan di dalam bahasa Cina di Kelantan

Responden	Kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan				Jumlah
	Dialek Kelantan	Bahasa Melayu	Dialek Hokkien	Bahasa Inggeris	
Bilangan(org)	28	14	10	8	60
Peratus (%)	46.7%	23.3%	16.7%	13.3%	100%

Menurut dapatan kajian, populasi penduduk di Kelantan yang terdiri daripada pelbagai kaum dan interaksi antara kaum telah menyebabkan wujudnya fenomena percampuran kod di dalam bahasa Mandarin. Antara kod yang sering dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan ialah kosa kata bahasa Melayu, kosa kata bahasa Inggeris, kosa kata dialek Kelantan dan kosa kata dialek Hokkien.

Berdasarkan Jadual 4.14 di atas, dapat kita lihat bahawa dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, iaitu seramai 46.7% responden yang mengatakan mereka paling kerap mencampurkan kosa kata dialek Kelantan ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Kemudiannya, diikuti dengan kosa kata bahasa Melayu 23.3%, kosa kata dialek Hokkien 16.7%, kosa kata bahasa Inggeris 13.3%. Dapatan yang dikumpul daripada soal selidik ini telah memaparkan keputusan yang

menunjukkan persamaan dan juga sedikit kelainan dengan hasil dapatan kajian bahagian 4.1 yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian berserta. Persamaan hasil kajian yang diperolehi melalui kedua-dua kaedah adalah kosa kata dialek Kelantan dan kosa kata bahasa Melayu merupakan kod yang paling kerap digunakan oleh kaum Cina di Kelantan semasa mereka berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Jadi, hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu di Kelantan telah memberi pengaruh yang besar terhadap kaum Cina di Kelantan di mana kaum Cina di Kelantan kerap menggunakan dialek Kelantan dalam percampuran kod dalam bahasa Mandarin.

Sementara itu, hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan sedikit kelainan di mana dalam analisis yang diperolehi berdasarkan pemerhatian berserta, kosa kata bahasa Inggeris lebih kerap digunakan jika berbanding dengan kosa kata dialek Hokkien, namun dalam analisis soal selidik, hasil kajian menunjukkan kosa kata dialek Hokkien adalah lebih kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan jika berbanding dengan kosa kata bahasa Inggeris.

4.2.2.3 Faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Menurut tinjauan dan juga pemerhatian pengkaji, fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan adalah kian hari kian merebak, sehingga menyebabkan berlakunya situasi di mana kaum Cina yang bukan berasal dari Kelantan tidak dapat memahami bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan.

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan? Jadi, melalui soalan ketiga dalam soal selidik yang dibentuk, pandangan dan pendapat responden berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena ini berlaku. Analisis berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan dipaparkan dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.15 Faktor yang menyebabkan fenomena percampuran kod digunakan secara meluas dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

Responden		Faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod di dalam bahasa Mandarin di Kelantan							
		Pengaruh pelbagai bahasa yang berlainan	Pengaruh latar belakang masyarakat Kelantan	Kelemahan penguasaan Bahasa Mandarin	Pengaruh media massa	Sifat kemesraan dan keunikan bahasa	Satu kebiasaan	Tiada perkataan bahasa Mandarin yang boleh saling diganti	lain-lain
Jumlah	(org)	48	34	50	14	42	34	8	2
	(%)	79.9%	56.5%	83.3%	23.3%	70%	56.7%	13.2%	3.33%

Jadual 4.15 menunjukkan faktor-faktor yang menyebabkan fenomena kod digunakan secara meluas dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Dalam soalan ini, pengkaji telah menyediakan lima jawapan yang berbentuk pilihan dan satu jawapan yang terbuka untuk responden mengeluarkan idea dan pandangan mereka terhadap fenomena tersebut. Setiap responden boleh membuat pilihan lebih daripada satu jawapan mengikut keutamaan dan pandangan masing-masing. Sekiranya responden tidak berpuas hati dengan pilihan jawapan yang disediakan oleh pengkaji maka responden boleh menyatakan pendapat dan pandangan mereka melalui petak jawapan secara terbuka yang telah disediakan.

Antara pilihan jawapan berbentuk pilihan yang disediakan oleh pengkaji adalah seperti pengaruh pelbagai bahasa yang berlainan, pengaruh latar belakang masyarakat Kelantan, kelemahan penguasaan bahasa Mandarin, pengaruh media massa dan sifat kemesraan dan keunikan bahasa. Seterusnya, analisis soalan ini dibuat berdasarkan kekerapan percampuran kod ini digunakan semasa berinteraksi.

Secara keseluruhannya, faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod di dalam bahasa Mandarin di Kelantan, faktor kelemahan penguasaan bahasa Mandarin merupakan faktor utama iaitu sebanyak 83.3%. Kemudiannya diikuti dengan faktor pengaruhi pelbagai bahasa yang berlainan dengan peratus 79.9%, faktor sifat kemesraan dan keunikan bahasa 70%, faktor percampuran kod menjadi satu kebiasaan 56.7%, faktor pengaruh latar belakang 56.5%, faktor pengaruh media massa 23.3%, faktor tiadanya perkataan bahasa Mandarin yang boleh saling digantikan 13.2% dan akhirnya faktor lain-lain 3.33%.

Dalam bahagian 2.2, pengkaji telah membincangkan faktor-faktor yang mengakitbatkan kewujudan fenomena percampuran kod yang dikemukakan oleh Soepomo. Beliau telah mengemukakan bebarapa faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod yang berlaku di Brunei. Jika dibandingkan dengan dapatan kajian pengkaji, dapat kita lihat bahawa wujudnya persamaan di antara dapatan kajian pengkaji dengan kajian Soepomo berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod, di antaranya ialah unsur kemodenan yang dikemukakan oleh Soepomo adalah sama dengan faktor media massa yang dikemukakan oleh pengkaji, di mana hasil kajian menunjukkan percampuran bahasa Inggeris yang kerap di dalam pertuturan responden. Begitu juga

dengan faktor nilai makna yang dikemukakan oleh Soepomo adalah sama dengan faktor tiada perkataan bahasa Mandarin yang boleh saling diganti yang pengkaji kemukakan.

Sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji membuat satu andaian bahawa pengaruh media massa juga merupakan satu faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Pengkaji berpendapat sedemikian kerana mungkin ramai generasi muda yang berpendapat bahawa percampuran kod merupakan satu gaya bahasa yang terkenal yang melambangkan unsur kemodenan, terutamanya mencampurkan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Mandarin dengan sengaja. Bagi pengkaji, golongan belia yang berumur dalam lingkungan 15-30 tahun mungkin akan menggunakan percampuran kod kerana unsur kemodenan apabila dipengaruhi oleh media massa. Namun, dapatan kajian daripada soal selidik ini menyatakan pengaruh media massa bukan merupakan faktor utama yang mempengaruhi fenomena percampuran kod di Kelantan, di mana hanya 23.3% responden yang memilih faktor media massa sebagai faktor utama yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

4.2.2.4 Pandangan masyarakat terhadap fenomena Percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Menurut dapatan kajian yang dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian berserta dan beberapa analisis soal selidik yang telah diperbincangkan pada bahagian 4.1 dan 4.2 sebelum ini, pengkaji telah membuat satu andaian di mana fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan kian merebak. Untuk menguji ketepatan andaian ini, pengkaji memaparkan soalan keempat yang berbunyi “pada pendapat anda, adakah fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan semakin merebak?”

dan analisisnya dipaparkan dalam Jadual 4.16. Seterusnya, pengkaji juga berniat untuk melihat pandangan dan sikap responden terhadap fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan, jadi pengkaji telah mengemukakan soalan kelima dan keenam dalam soal selidik kepada para responden. Analisis dapatan juga dipaparkan dalam Jadual 4.16.

Jadual 4.16 Pandangan masyarakat terhadap fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Pandangan terhadap fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan	Junlah responden	Bersetuju	Tidak bersetuju	Tiada pendapat	Jumlah
1. Fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan semakin merebak	Bilangan (orang)	54	4	2	60
	Peratus (%)	90.0	6.7	3.3	100.0
2. Fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan telah membawa kesan negatif terhadap kejituan bahasa	Bilangan (orang)	45	5	10	60
	Peratus (%)	75.0	8.3	16.7	100.0
3. Fenomena Percampuran Kosa kata bahasa dalam bahasa Mandarin merupakan satu keunikan bahasa	Bilangan (orang)	40	12	8	60
	Peratus (%)	66.7	20.0	13.3	100.0

Merujuk kepada soalan pertama dalam Jadual 4.16 di atas, dapat kita lihat bahawa secara keseluruhannya, 90% responden yang bersetuju dengan pernyataan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan kian merebak pada zaman era moden ini, di mana 6.7% responden menafikan pernyataan ini dan 3.3% responden yang mengatakan mereka tidak mempunyai pendapat terhadap fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

Jadi, analisis dapatan kajian di atas menunjukkan kebanyakan responden dalam kajian ini bersetuju bahawa fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin kian merebak pada masa kini. Dapatan kajian sebegini telah bertepatan dengan andaian pengkaji

sebelum ini, iaitu fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan kian hari kian merebak. Jadi, ia juga melambangkan bahawa kaum Cina di Kelantan memang menyedari dengan perebakan fenomena ini, namun sikap dan pandangan mereka berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku dengan meluasnya di Kelantan mungkin berbeza.

Soalan kedua adalah berkenaan dengan pandangan sikap responden terhadap fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan merupakan satu keunikan bahasa yang melambang identiti masyarakat Cina Kelantan ataupun akan membawa kesan negatif terhadap perkembangan bahasa. Data dirumuskan dalam Jadual 4.16. Ia menunjukkan bahawa 75% responden bersetuju dengan pernyataan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan telah pun membawa kesan negatif terhadap perkembangan bahasa dan menjejaskan kejitian bahasa Mandarin di Kelantan, 8.3% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, sementara 16.7% responden mengatakan mereka tidak mempunyai pendapat berkenaan dengan pernyataan ini.

Analisis ini menjelaskan bahawa kaum Cina di Kelantan telah pun menyedari bahawa fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin yang terlalu berleluasa telah mendatangkan kesan yang negatif yang menjejaskan kejitian bahasa Mandarin. Kejitian bahasa Mandarin telah pun dijejaskan dengan wujudnya percampuran kod yang berleluasa dalam bahasa Mandarin di Kelantan dan kaum Cina di Kelantan memang mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memartabatkan bahasa Mandarin.

Namun, ada juga yang berpendapat bahawa fenomena percampuran kod tidak menjejaskan kejitian bahasa Mandarin, malah ia melambangkan keunikan dan kekayaan bahasa kaum Cina di Kelantan. Segelintir responden mengatakan bahawa fenomena

percampuran kod memang merupakan suatu fenomena yang tidak boleh dielakkan dalam masyarakat yang bermultilingual, dan fenomena ini dianggap sebagai satu fenomena yang biasa yang tidak patut dipersoalkan. Dalam Jadual 4.16 (Soalan 3), ia menunjukkan bahawa daripada 60 orang responden sebanyak 66.7% responden bersetuju dengan pernyataan ini, 20% tidak bersetuju dan 13.3% responden yang tidak mempunyai sebarang pendapat berkenaan dengan pernyataan tersebut.

Seperti dengan majoriti anak Kelantan yang kuatnya semangat kekitaan, kebanyakan kaum Cina di Kelantan juga merupakan satu komuniti yang mempunyai semangat kekitaan yang sangat kuat. Melalui pemerhatian pengkaji dan temu bual bersama responden dalam kajian rintis, didapati ada responden yang menyatakan bahawa fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan merupakan satu keunikan bahasa yang boleh melambangkan identiti mereka sebagai anak Kelantan. Sebagai contohnya, apabila bertutur dengan pengguna bahasa yang bukan berasal dari Kelantan, mereka akan menggunakan bahasa Mandarin yang biasa dan tidak begitu banyak mengalami percampuran kosa kata bahasa asing, namun apabila adanya pengguna bahasa anak Kelantan, mereka akan kerap mencampurkan kosa dialek Kelantan dan kosa kata bahasa Melayu ke dalam bahasa Mandarin mereka. Selain dapat mengeratkan hubungan solidariti, penggunaan percampuran kod yang berlainan juga dikatakan dapat dijadikan alat yang boleh melicinkan komunikasi, sebagai contohnya menjadi alat penyembunyian rahsia apabila wujudnya situasi tidak mahu difahami oleh pihak ketiga.

Jika kita bandingkan di antara pandangan dan pendapat para responden dengan fenomena percampuran kod yang wujud dalam bahasa Mandarin di Kelantan, lebih ramai kaum Cina di Kelantan berpendapat bahawa perebakan fenomena percampuran kod dalam

bahasa Mandarin di Kelantan membawa kesan yang lebih negatif ke atas kejitian bahasa jika berbanding dengan keunikan bahasa. Berdasarkan analisis dalam jadual di atas, wujudnya 13.3% responden yang berpendapat mereka tidak mempunyai pendapat terhadap soalan yang dikemukakan, ini kerana mereka berpendapat bahawa fenomena percampuran kod ini merupakan suatu fenomena yang biasa dan pasti akan wujud dalam masyarakat yang bermultilingua, ia tidak melambangkan keunikan bahasa.

4.2.3 Langkah-langkah wajar yang perlu diambil untuk mengurangkan penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Daripada dapatan kajian yang diperolehi dalam analisis soal selidik sebelum ini, dapat kita lihat bahawa kaum Cina di Kelantan telah pun menyedari fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Jadi, soalan yang berbentuk soalan terbuka dikemukakan untuk meminta pandangan dan pendapat responden berkenaan dengan langkah yang wajar diambil untuk mengurangkan penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

Kebanyakan responden berpendapat bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mengurangkan penggunaan percampuran kod ini dalam pertuturan harian. Mereka menganggap pendidikan asas bermula dari rumah, dan ibu bapalah yang membentuk sistem komunikasi sesebuah keluarga. Anak-anak kecil bagaikan secebis kain putih, di mana ibu bapa yang merupakan pembentuk corak kain putih tersebut. Oleh sebab itu, ibu bapa haruslah mengajar anak-anak mereka cara-cara komunikasi yang betul mengikut tatasusila yang bersesuaian. Jikalau sejak awal lagi, ibu bapa menggunakan bahasa Mandarin yang

lebih standard untuk bertutur dengan anak-anak mereka, maka anak-anak juga akan turut menggunakan bahasa Mandarin yang lebih standard. Sebaliknya, jikalau ibu bapa menggunakan bahasa Mandarin yang “rojak”, maka anak-anak juga akan turut dipengaruhi.

Di samping itu, sikap terhadap penggunaan dan pemilihan bahasa seseorang pengguna juga memainkan peranan yang amat penting. Ada responden yang menyatakan jikalau seseorang pengguna bahasa memberi prihatin kepada penggunaan bahasa sendiri, maka dia akan lebih berprihatin semasa berinteraksi dalam bahasa Mandarin, secara tidak langsung, mereka akan menggunakan bahasa Mandarin yang lebih piawai dan bukannya bertutur dalam bahasa Mandarin yang bercampur dengan pelbagai kod asing. Jadi, sikap terhadap penggunaan bahasa mestilah disemaikan dan diterapkan dalam jiwa setiap pengguna bahasa sejak awal lagi. Dalam erti kata lain, jika sikap menggunakan bahasa yang sesuai tidak diterapkan sejak kecil lagi, lama-kelamaan, ia akan menjadi satu kebiasaan. Sebaliknya, apabila seseorang pengguna bahasa menganggap bertutur dalam bahasa rojak adalah suatu kebiasaan, maka kian lama kian sukar untuk mereka memperbetulkan bahasa yang mereka gunakan.

Selain itu, ada juga responden yang mengatakan pendidik juga memainkan peranan yang amat penting. Ramai orang yang berpendapat bahawa faktor utama yang mempengaruhi berlakunya percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan diakibatkan oleh faktor penguasaan bahasa Mandarin kaum Cina di Kelantan yang sangat lemah. Untuk mempertingkatkan lagi tahap penguasaan bahasa Mandarin anak-anak Cina Kelantan, pihak sekolah sepatutnya mengambil langkah yang sewajarnya, sebagai contohnya guru menggunakan bahasa Mandarin yang piawai semasa mengajar di sekolah

dan menjadikan teladan yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah. Selain itu, ada juga responden yang berpendapat bahawa pihak sekolah sepatutnya mewajibkan penggunaan bahasa Mandarin yang standard di sekolah, tidak kira pelajar ataupun pendidik, semuanya diwajibkan menggunakan bahasa Mandarin yang standard ketika berkomunikasi dalam bahasa Mandarin.

Sehubungan itu, ada juga responden yang mengatakan bahawa kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin yang standard juga sepatutnya lebih kerap dianjurkan oleh kerajaan negeri dan masyarakat Cina di Kelantan. Dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti pertandingan syarahan dalam bahasa Mandarin, kelas pertuturan bahasa Mandarin dan sebagainya dapat memupuk kesedaran dan minat kaum Cina di Kelantan terhadap penggunaan bahasa Mandarin yang standard dan bukannya menggunakan bahasa Mandarin yang “rojak”.

Daripada analisis data-data kajian yang dikumpulkan, dapat disimpulkan bahawa fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan adalah kian hari kian merebak. Kebanyakan kaum Cina di Kelantan menggunakan percampuran kod yang berbeza ketika mereka berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Antara faktor-faktor yang menyebabkan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan ini berlaku adalah penguasaan bahasa Mandarin kaum Cina di Kelantan yang lemah, faktor latar belakang kaum Cina di Kelantan yang bergaul rapat dengan pelbagai etnik, pengaruh media massa dan sebagainya. Kosakata bahasa Melayu, kosakata bahasa Inggeris, kosakata dialek Kelantan, dan kosakata dialek Hokkien adalah kod yang sering dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan. Di antara bahasa dan dialek yang pelbagai yang dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan, dialek

Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin oleh kaum Cina di Kelantan.

Sehubungan itu, perebakan fenomena percampuran kod turut dirasai oleh sebahagian daripada responden apabila pengkaji mendapati ada di kalangan responden yang amat memandang berat tentang permasalahan ini. Secara keseluruhannya, fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan adalah semakin merebak. Jadi, bagi mengurangkan penggunaan percampuran kod yang semakin berleluasa, semua pihak yang terlibat termasuklah pihak ibu bapa, pihak sekolah, pihak masyarakat dan penutur sendiri, mesti mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengawal fenomena ini.